

8 OGOS, 2016

KEPADA SEMUA PENGARANG

KENYATAAN AKHBAR NUJ MALAYSIA

Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (NUJ) mengecam tindakan ganas segelintir penyokong bola sepak yang bertindak menyerang sehingga mengundang kecederaan kepada seorang jurufoto The News Straits Times (NSTP), Supian Ahmad, dalam satu perlawanan Liga Super 2016 malam tadi.

Insiden keganasan yang berlaku sejurus selesai perlawanan membabitkan pasukan Perak dan Johor Darul Takzim (JDT) di Stadium Ipoh itu, turut dianggap satu perlakuan yang tidak bertanggungjawab dan boleh mengundang bahaya.

Malah, tindakan penyokong yang menyerang serta mengarahkan supaya gambar yang dirakam jurufoto terbabit dipadamkan, dilihat satu desakan yang keterlaluan serta biadab.

Sememangnya menjadi tugas dan tanggungjawab setiap jurufoto untuk merakam gambar pada setiap kali perlawanan bola sepak termasuk kejadian-kejadian sampingan yang berlaku pada sebelum atau selepas perlawanan.

Insiden itu juga memberi persoalan sama ada tahap atau aspek keselamatan petugas media terutama jurufoto yang membuat liputan dilapangan ketika acara sukan, dijadikan sebahagian daripada skop prosedur operasi standard (SOP) oleh pihak penganjur atau pengurusan stadium atau tidak.

Kami juga menggesa penguatkuasaan serta pemeriksaan lebih ketat oleh pihak berkuasa yang mengawal stadium terhadap kumpulan penyokong, berikutan setakat hari ini pelbagai barangan larangan seperti suar dan mercun masih mudah dibawa masuk ke dalam stadium mereka, sehingga mengundang bahaya kepada pemain dan petugas media.


Justeru, kami berharap dan meminta supaya pihak berwajib terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil tindakan tegas.

Persatuan sukan dan kelab bola sepak yang mengikuti mana-mana saingan bola sepak di Malaysia juga perlu memastikan aspek disiplin penyokong diambil berat, malah tindakan susulan juga perlu dikenakan bagi membolehkan bukan saja keselamatan petugas media tidak terganggu, bahkan menjaga nama baik persatuan dan kelab juga.

Sekian.

Handwritten signature of S. De Rozario in black ink, featuring a stylized 'S' and 'D' followed by a horizontal line.

SCHAVE JEROME DE ROZARIO
Setiausaha Agung NUJ Malaysia



Jurufoto NSTP Supian
Ahmad cedera dipukul
dan kameranya dicuri
dalam kekecohan
antara penyokong JDT
dengan Perak

11:41 pm